

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang **Sewa Beli** anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**



RHB BANK BERHAD

No. Pendaftaran: 196501000373 (6171-M)

Tarikh :

1

Apakah yang ditawarkan oleh produk Sewa Beli?

Sewa Beli ("SB") adalah kemudahan pinjaman untuk memperolehi barang-barang yang terkandung dalam Jadual Pertama Akta Sewa Beli 1967 seperti bas, teksi, kenderaan komersial dan kereta sewa. Dalam perjanjian SB, pemilik sah adalah Pembekal Perkhidmatan Kewangan ("PPK"). Penyewa hanya menyewa barang-barang tersebut daripada PPK. Hak milik sah hanya akan berpindah kepada penyewa selepas semua ansuran dalam perjanjian SB dijelaskan.

2

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Sewa Beli ini, sebagai ilustrasi:

- Kos Peralatan : RM _____
- Deposit : RM _____
- Amaun Bersih Pinjaman: RM _____
- Kadar faedah rata : _____ %
- Kadar faedah efektif tahunan : _____ %
- Tempoh : _____ tahun

Membayar balik ansuran bulanan seperti berikut:

- _____ ansuran bulanan sebanyak RM _____
- Ansuran terakhir : RM _____
- Jumlah yang mesti dibayar balik termasuk jumlah yang dipinjam : RM _____

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

- **Duti Setem:** RM10 untuk setiap salinan Perjanjian Sewa Beli, Perjanjian Jaminan and Borang Arahan Tetap.
- **Penstrukturan / Penjadualan Semula:** Duti setem sebanyak RM10 untuk setiap salinan Perjanjian Variasi kepada Perjanjian Sewa Beli, Perjanjian Jaminan and Borang Arahan Tetap.

Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani nya.



Bayar ansuran bulanan anda **tepat pada masanya dan sepenuhnya** semasa tempoh pembiayaan. Hubungi Bank jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.



Pastikan anda mampu **membayar ansuran yang lebih tinggi** jika Kadar Polisi Semalaman (OPR) meningkat.



Hubungi Bank dengan segera, jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

NOTA PENTING:

Maklumat yang terkandung dalam Lembaran Pendedahan Produk ini diberikan secara umum, tanpa sebarang obligasi, dan adalah semata-mata untuk tujuan makluman sahaja. Kandungan ini adalah berdasarkan kepada beberapa andaian dan maklumat yang tersedia pada tarikh dokumen ini, yang kesemuanya tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu. Dokumen ini mungkin diterjemahkan ke dalam bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai

3

Ketahui Risiko Anda

Apa yang berlaku jika anda gagal membayar ansuran bulanan anda?

- Caj bayaran lewat yang akan dikenakan ialah 8% setahun dikira secara harian ke atas baki ansuran yang tertunggak.
- Pihak Bank berhak untuk menarik balik barang-barang yang dibiayai.
- **TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA MELANGGARPERJANJIAN SBP BERKENAAN DENGAN PEMBAYARAN BALIK ANSURAN.**

4 Lain-Lain Terma

- a) **Bagaimana jika saya/kami menyelesaikan baki pinjaman sepenuhnya sebelum tarikh matang?**
- Tiada tempoh sekat keluar bagi pembayaran balik pinjaman Sewa Beli.
 - Anda boleh memberi notis secara bertulis pada bila-bila masa sebelum tarikh matang untuk menyelesaikan kemudahan pinjaman
- b) **Adakah saya/kami perlu ada insurans/perlindungan takaful?**
- Peralatan bergerak berlesen yang digunakan di jalan awam perlu diinsuranskan dengan Insurans Komprehensif.
 - Anda adalah dikehendaki untuk memberi satu salinan pembaharuan polisi insurans kepada kami tidak kurang daripada empat belas (14) hari kalendar sebelum tarikh matang polisi insurans pada tahun-tahun yang berikutnya sementara barang-barang masih di bawah perjanjian sewa beli.
- Nota:** Sebut harga akan disediakan oleh kakitangan jualan kami untuk perlindungan insurans tersebut yang ditawarkan oleh RHB Insurance Berhad. Anda bebas menggunakan perkhidmatan penanggung insurans / takaful bukan panel. Walau bagaimanapun, untuk mengelakkan kelewatan dalam menginsuranskan barang-barang anda, perlantikan panel penanggung insurans RHB adalah sangat digalakkan.
- c) **Bagaimana jika saya/kami gagal untuk memperbaharui polisi insurans?**
- Kami akan memperbaharui polisi insurans anda mengikut budi bicara kami dan mendebitkan kos pembaharuan tersebut kepada akaun Sewa Beli anda atau akaun semasa anda dengan kami selepas tujuh (7) hari kalendar notis diberikan kepada anda. Ini adalah untuk memastikan anda dilindungi dengan secukupnya daripada masalah kewangan yang timbul daripada kejadian yang tidak diduga.
- d) **Bagaimana pembayaran balik terhadap akaun Sewa Beli saya akan diperuntukan?**
- Pembayaran balik terhadap akaun Sewa Beli anda akan diperuntukan kepada premium insurans yang tertunggak terlebih dahulu sebelum diperuntukan kepada ansuran bulanan.
- e) **Adakah penjamin diperlukan?**
- Ya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Sewa Beli anda, anda boleh:



Hubungi kami di talian:
03-9206 8118



Kunjungi kami di:
<http://www.rhbgroup.com>



E-mel kami di:
customer.service@rhbggroup.com



Imbas kod QR di atas

Maklumat yang diberikan dalam pendedahan ini sah mulai 30 Januari 2026